

PM bersama rakyat Terengganu
Utusan Online
Februari 03, 2012

KUALA TERENGGANU 2 Feb. – Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak akan turun padang untuk melawat Terengganu esok.

Lawatan kerja sehari melalui Program Bersama Rakyat itu akan tertumpu di kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) Rhu Rendang, Marang dan Batu Burok di sini.

Menteri Besar, Datuk Seri Ahmad Said berkata, Najib dijangka tiba di Lapangan Terbang Sultan Mahmud (LTSM) di sini kira-kira pukul 9.15 dan terus bertolak ke Rhu Rendang.

Katanya, Perdana Menteri akan menyampaikan bot kepada nelayan, bantuan kebajikan masyarakat serta Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M) ketika berada di kawasan itu.

Hakcipta Terpelihara © UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

Source:

http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2012&dt=0203&pub=Utusan_Malaysia&sec=Dalam_Negeri&pg=dn_02.htm